

# TPM mahu penguat kuasaan berterusan banteras mat rempit

KUALA LUMPUR 12 Okt. - Kegiatan lumba haram melibatkan mat rempit hari ini mendapat perhatian Datuk Seri Najib Tun Razak yang mahu penguatkuasaan secara berterusan dilakukan bagi membendung gejala tidak sihat itu.

Sambil melahirkan rasa kesal terhadap kemalangan yang membabitkan mat rempit sehingga mengorbankan seorang budak lelaki berusia tiga tahun di Kota Bharu kelmarin, Timbalan Perdana Menteri berharap kegiatan itu dapat dibanteras.

"Kerajaan kesal dengan berlakunya kemalangan yang melibatkan seorang ka-

nak-kanak kecil, malah sebarang kemalangan amat dikesali.

"Hasrat kerajaan adalah untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya secara keseluruhan. Tentang kumpulan yang digelar mat rempit ini, maka kita ingin melihat supaya perlumbaan cara mat rempit itu dapat dibanteras," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima sumbangan bungkusan Hari Raya Aidilfitri 2006 oleh penderma kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM), di sini hari ini.

Najib diminta mengulas kegiatan mat

rempit yang semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini.

Ini termasuk kejadian yang menimpa Muhammad Aupal Khallah Mohd Saberi, yang meninggal dunia selepas 10 jam koma akibat dirempuh motosikal dari kumpulan mat rempit yang berlumba di Jalan Sultan berhampiran Masjid Muhammadiyah, Kota Bharu.

Muhammad Aupal yang dikatakan terpelanting akibat dilanggar motosikal kira-kira pukul 6.45 petang Isnin lalu, meninggal dunia di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) pukul 4.30 pagi

Selasa lalu akibat pendarahan otak.

Minggu lalu, seorang mat rempit mati ditikam, manakala tiga lagi cedera dalam pergaduhan membabitkan dua kumpulan mat rempit di Jalan Damansara Indah, di sini.

Najib berkata, tindakan tegas perlu diambil ke atas mat rempit yang melanggar undang-undang.

Selain itu, beliau turut berharap usaha mendekati kumpulan berkenaan dapat dipergiatkan lagi, dengan harapan ia akan dapat menukar sikap mereka untuk berbakti kepada masyarakat.